

05/03/2005

ARITMETIK-KEMPEN

DR MAHATHIR AKAN LANCAR KEMPEN PEMBELAJARAN SEMPOA DAN MENTAL ARITMETIK

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Selain daripada usaha berterusan mempromosikan penggunaan abakus atau sempoa dan mental aritmetik, Persatuan Persahabatan Malaysia-China, akan mengadakan kempen "Mari Belajar Abakus dan Mental Aritmetik" mulai 20 hingga 28 Mac ini.

Kempen berkenaan akan dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di sini pada 22 Mac ini sebelum kempen itu ke lima negeri lain, iaitu Pulau Pinang, Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan Perak.

Setiausaha Kehormat persatuan, Tan Khai Hee berkata kempen itu merupakan satu daripada usaha kerajaan untuk mempromosikan pembelajaran abakus dan mental aritmetik di kalangan murid sekolah, terutamanya yang berada di tahun satu.

"Dr Mahathir, semasa memimpin negara menggalakkan kaedah pengiraan menggunakan abakus atau lebih dikenali sebagai sempoa dan mental aritmetik, oleh semua kumpulan umur, dan bukan hanya di kalangan pelajar sekolah," kata Tan pada sidang media mengenai kempen berkenaan di sini hari ini.

Dengan demikian, beliau berkata persatuan berhasrat untuk meneruskan wawasan berkenaan sebagai kaedah pembelajaran yang boleh meningkatkan pemahaman matematik dan meningkatkan kapasiti membuat kiraan dengan pantas.

Semasa kempen itu, tiga murid berusia antara lapan hingga 10 tahun dari Wilayah Jiangsu, China, akan dijemput untuk menunjukkan pengiraan yang pantas menggunakan sempoa dan mental aritmetik.

Hadir sama pada sidang media iaitu ialah presiden persatuan Dr M.K. Rajakumar. -- BERNAMA

WNZ FR NHD